



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
PENDIDIKAN KHAS (MASALAH PEMBELAJARAN)**

Pengurusan Kehidupan

Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran

TAHUN 3



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
PENDIDIKAN KHAS
(MASALAH PEMBELAJARAN)

Pengurusan Kehidupan

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tahun 3

Bahagian Pembangunan Kurikulum

APRIL 2017

Terbitan 2017

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan.....	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat	2
Objektif	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah	3
Fokus	4
Kemahiran Abad Ke-21	5
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	6
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	7
Rancangan Pendidikan Individu	11
Elemen Merentas Kurikulum	12
Pentaksiran Sekolah.....	15

Organisasi Kandungan	18
Pengurusan Diri	19
Kemahiran Manipulatif.....	37
Panel Penggubal.....	49
Penghargaan.....	50



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97.]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijemakan dalam KSSR menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSR, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit

Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSR, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSR. Semoga pelaksanaan KSSR akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) digubal selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid dan pendidikan seumur hidup. KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pengurusan Kehidupan bersifat holistik, selaras dengan yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Bagi memenuhi keperluan individu, pengajaran dan pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi Masalah Pembelajaran dibentuk secara fleksibel selaras dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, 8.(1)(c) yang menyatakan bahawa seseorang guru boleh membuat pengubahsuaian kepada kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran, masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti, susunan aktiviti dan bahan bantu mengajar. Pengubahsuaian yang dibuat hendaklah mengikut Kurikulum Pendidikan Khas.

KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) dibina supaya pembelajaran yang diperolehi di bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kurikulum ini juga menyediakan pendidikan berkualiti untuk murid bermasalah pembelajaran supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari dan berupaya menjalani kehidupan dengan lebih bermakna.

MATLAMAT

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pengurusan Kehidupan bermatlamat untuk membimbing dan melatih murid agar berkemahiran dalam mengurus diri sendiri, berupaya mengurus emosi, mempunyai keyakinan terhadap diri sendiri, dapat mengamalkan tingkah laku yang positif, dapat meningkatkan kemahiran psikomotor bagi membantu perkembangan mental dan fizikal, berupaya membantu keluarga dalam mengurus rumah tangga dan mampu hidup berdikari serta boleh bersosialisasi dengan masyarakat.

OBJEKTIF


KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pengurusan Kehidupan Tahun Tiga bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Berdikari dan mampu menjalankan aktiviti seharian mengikut kemampuan diri sendiri.
2. Menyediakan diri menghadapi situasi sebenar.
3. Mengamal dan mengekalkan tingkah laku baik yang sedia ada dan yang baru.
4. Bersikap positif terhadap pengajaran dan pembelajar.
5. Melakukan pergerakan koordinasi motor kasar, motor halus dan pengamatan.
6. Menggunakan peralatan dengan teknik yang betul.
7. Meluaskan daya kreativiti dan inovasi dalam menghasilkan sesuatu bahan.
8. Menggunakan pengetahuan dan kemahiran manipulatif dalam pengurusan kehidupan seharian secara berkesan.
9. Mengurus dan mengawal emosi untuk memahami diri dan orang lain.
10. Mengamalkan kebersihan dan kesihatan yang baik untuk dirinya serta persekitaran.
11. Mengaplikasi pengetahuan di dalam bilik darjah ke dalam kehidupan sebenar.
12. Meningkatkan kemahiran bersosialisasi dengan keluarga, rakan dan masyarakat dan
13. Menjaga keselamatan dan kesihatan diri, keluarga, rakan dan masyarakat.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

KSSR dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini

bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Pengurusan Kehidupan digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSR.



Rajah 1: Kerangka KSSR

Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pengurusan Kehidupan Tahun Tiga berfokus kepada dua komponen iaitu Pengurusan Diri dan Kemahiran Manipulatif.

Pengurusan Diri

Komponen ini memberi penekanan kepada pengetahuan dan kemahiran dalam lima aspek iaitu kemahiran sendiri, kebersihan, kesihatan dan keselamatan, penggunaan tandas dan bilik mandi, pengurusan tempat tinggal serta adab dan tatasusila.

Kemahiran Kendiri

Membolehkan murid mengenal bahagian anggota badan, mengetahui panggilan diri sendiri dan orang sekeliling mereka, mempelajari adab makan dan minum dengan tertib serta cara memakai pakaian yang betul dan kemas.

Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan

Memberi penekanan kepada amalan menjaga kebersihan dan keselamatan diri, penjagaan pakaian, serta kebersihan dan keselamatan ketika berada dalam bilik darjah.

Kebersihan Tandas dan Bilik Mandi

Membimbing murid tentang penggunaan kemudahan di dalam tandas dan bilik mandi serta aspek keselamatan semasa menggunakan kemudahan di dalam tandas dan bilik mandi.

Pengurusan Tempat Tinggal

Mengenal dan memahami fungsi ruang atau bilik di dalam rumah masing-masing.

Adab dan Tatasusila

Mengenal jenis-jenis perlakuan, emosi asas diri yang positif serta adab dan tatasusila yang baik ketika berada di sekolah.

Kemahiran Manipulatif

Komponen Kemahiran Manipulatif memberi penekanan kepada pengetahuan dan kemahiran dalam tiga tajuk utama iaitu motor kasar, motor halus dan pengamatan.

Motor Kasar

Kemahiran motor kasar lebih berfokus kepada pergerakan lokomotor, bukan lokomotor dan koordinasi tangan kaki. Kemahiran ini diajar bertujuan untuk membolehkan murid melakukan pergerakan asas dibahagian kepala, tangan dan kaki.

Motor Halus

Kemahiran ini memberi penekanan kepada pergerakan motor halus tanpa bahan dan menggunakan bahan bagi membolehkan murid mengawal pergerakan jari-jemari.

Pengamatan

Kemahiran ini memberi fokus tentang pengamatan pendengaran, pengamatan penglihatan dan pengamatan sensori motor menggunakan deria sentuh bagi membolehkan murid mengawal pengamatan deria mereka.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan SK dan SP dalam kurikulum Pengurusan Kehidupan menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mengalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul serta strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat

berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyooalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dirancang perlu memberi penekanan kepada pembelajaran berpusatkan murid dan PdP berasaskan aktiviti. Murid dilibatkan secara aktif dalam PdP yang menyepadukan pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan penerapan sikap dan nilai murni. Perancangan, matlamat pendidikan dan strategi PdP ini perlu didokumenkan dalam Rancangan Pendidikan Individu (RPI).

Bagi meningkatkan minat dan keseronokan belajar, guru boleh mempelbagaikan pendekatan pengajaran seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, konstruktivisme, pembelajaran kontekstual, pembelajaran masteri, analisis tugas, belajar melalui bermain, pengajaran bertema, pembelajaran pengalamian, pendekatan kolaborasi dan multi sensori.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan yang mementingkan pembelajaran melalui pengalaman. Inkuiri secara am bermaksud mencari maklumat, menyoal dan

menyiasat tentang sesuatu fenomena yang berlaku. Pembelajaran secara inkuiri berlaku apabila konsep dan prinsip utama dikaji dan ditemui oleh murid sendiri.

Dalam strategi PdP inkuiri, murid menyoal dan mengemukakan pendapat berlandaskan hasil penerokaan. Guru boleh bertindak sebagai fasilitator dengan mengemukakan soalan bagi memandu murid ke arah inkuiri. Perbincangan boleh dijalankan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti.

Konstruktivisme

Konstruktivisme membolehkan murid belajar sesuatu dengan cara membina sendiri pemahaman yang bermakna kepada diri mereka. Antara unsur penting dalam konstruktivisme adalah:

- Guru mengambil kira pengetahuan sedia ada murid.
- Pembelajaran adalah hasil usaha murid sendiri.
- Pembelajaran berlaku apabila murid menghubungkan idea asal dengan idea baharu bagi menstruktur semula idea mereka.
- Murid berpeluang bekerjasama, berkongsi idea dan pengalaman serta membuat refleksi.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran Kontekstual adalah pembelajaran yang dikaitkan dengan kehidupan harian murid. Dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran kontekstual, perkaitan antara ilmu yang diajar dengan kehidupan harian dieksplisitkan. Murid tidak hanya belajar secara teori semata-mata, bahkan dapat menghayati kerelevanan ilmu yang dipelajari dengan kehidupan harian.

Pembelajaran Masteri

Pembelajaran Masteri memastikan semua murid menguasai standard pembelajaran yang ditetapkan sebelum berpindah ke standard pembelajaran seterusnya. Pendekatan ini berpegang kepada prinsip bahawa setiap murid mampu belajar jika diberi peluang. Peluang perlu diberi kepada murid untuk belajar mengikut kadarnya. Aktiviti pemulihan dan pengayaan perlu dilaksanakan bagi murid yang belum menguasai asas masteri, sementara aktiviti pengayaan dilaksanakan oleh murid yang telah mencapai aras masteri.

Analisis Tugas

Pendekatan Analisis Tugas melibatkan proses pembahagian kemahiran kepada beberapa komponen atau langkah mudah untuk dikuasai dan dipelajari oleh seseorang murid. Strategi ini

membantu guru menyusun atur kemahiran yang hendak diajar, memberi latihan yang konsisten dan menilai tahap pencapaian murid. Pendekatan Analisis Tugas dilaksanakan melalui langkah seperti berikut:

- Memastikan kemahiran yang sesuai diajar pada murid mengikut tahap keupayaan.
- Menghuraikan secara ringkas kemahiran dipilih.
- Mencerakinkan kemahiran yang dipilih kepada langkah-langkah kecil.
- Membuat penyesuaian langkah pembelajaran mengikut keupayaan dan kebolehan murid.
- Membuat pemerhatian dan penilaian terhadap kemahiran yang dikuasai murid.
- Membuat penambahan dan perubahan di mana perlu sehingga murid dapat menguasai kemahiran yang hendak diajar.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran Berasaskan Projek merupakan proses PdP yang berasaskan inkuiri. Strategi ini memerlukan murid untuk memberi tumpuan kepada persoalan atau masalah yang kompleks, menyelesaikan masalah tersebut melalui proses penyiataan secara bekerjasama dalam suatu tempoh waktu.

Projek yang dijalankan adalah untuk menyasat topik atau isu yang dihadapi murid dalam persekitaran sebenar. Semasa menjalankan proses penyiataan ini, murid dapat mempelajari kandungan, maklumat dan fakta-fakta yang diperlukan untuk membuat kesimpulan tentang persoalan atau masalah yang ditimbulkan. Melalui PBP murid dapat mempelajari kemahiran yang dihasratkan dan mengasah kemahiran berfikir mereka sendiri.

Belajar Melalui Bermain

Pendekatan Belajar Melalui Bermain (BMB) ditekankan dalam proses PdP bagi murid khususnya MBK kerana pendekatan ini berupaya menarik minat dan menimbulkan keseronokan ketika belajar. BMB menggalakan MBK melakukan penerokaan, penemuan dan pembinaan kefahaman berdasarkan pengalaman, dengan rasa gembira dan seronok. Pendekatan ini boleh meningkatkan keupayaan kognitif dan meningkatkan rasa ingin tahu, penguasaan kemahiran berfikir dan psikomotor, serta kemahiran mengendalikan emosi.

Ciri-ciri Belajar Melalui Bermain (BMB) adalah seperti berikut:

- Aktiviti yang menyeronokkan.
- Penerokaan dan interaksi dengan persekitaran.
- Permainan bebas dan terancang.
- Keanjalan masa.

- Percubaan idea sendiri.
- Peluang untuk memberikan tumpuan dan perhatian.

Pendekatan Bertema

Pendekatan Bertema (PB) digunakan dalam proses PdP murid. Pemilihan topik atau tema mestilah bersesuaian dengan persekitaran murid:

- Penggunaan suatu tajuk umum merentasi bidang pembelajaran.
- Pemilihan tajuk tema berasaskan kesesuaian tahap murid, situasi tertentu atau peristiwa semasa.
- Perkaitan dengan pengalaman sedia ada dan pengalaman baharu yang diperoleh secara tersusun dan sistematik.
- Peluasan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran
- Pemeringkatan daripada yang mudah kepada yang sukar dan umum kepada yang lebih khusus.

Pemilihan tema pula perlu mengambil kira:

Kesesuaian dengan kehidupan murid.

- Peluang untuk mengaplikasi kemahiran kepada murid-murid seperti kemahiran asas mendengar, membaca, menulis, mengira, penggunaan komputer dan lain-lain.

- Kemahiran yang diperoleh daripada tema yang diajar dapat membantu murid mendapat kemahiran penyelesaian masalah.
- Sumber yang mudah didapati.
- Mengikut musim atau peristiwa untuk memberi kesedaran dan pengukuhan serta meningkatkan pengetahuan murid.

Pembelajaran Pengalamian

Pendekatan Pembelajaran Pengalamian adalah berdasarkan kesediaan dan keupayaan individu murid khususnya MBK. Pendekatan ini meningkatkan keupayaan sendiri individu di mana murid diberi peluang menilai keupayaan diri sendiri.

Dalam melaksanakan pendekatan ini, guru berperanan:

- Menentukan suasana yang positif untuk proses pembelajaran.
- Menjelaskan peranan murid dalam tugas.
- Memastikan sumber untuk proses pembelajaran ada dan mudah diperoleh.
- Menyusun sumber untuk proses pembelajaran.
- Mengimbangi komponen intelek dan emosi dalam pembelajaran.
- Berkongsi perasaan dan pemikiran dengan murid tanpa menguasai dan mengongkong mereka.

Proses pembelajaran bagi Pendekatan Pengalamian ialah:

- Guru menentukan matlamat dan objektif untuk individu dan/atau kumpulan.
- Guru merancang aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan kesediaan murid.
- Guru perlu menjelaskan tentang tugas atau aktiviti yang akan dijalankan dengan murid dan berbincang mengenai apa yang diharapkan daripada murid.
- Murid perlu ditempatkan dalam situasi atau suasana yang memerlukan kemahiran baru atau sokongan dan peneguhan dengan pengalaman lalu.
- Pembelajaran berlaku melalui pengalaman pembelajaran dan guru memberi maklumat tentang apa yang dilakukan atau dipelajari.
- Guru memberikan bantuan, latihan dan peneguhan dengan mengaitkan pembelajaran yang baru dalam kehidupan sebenar murid seperti sekolah, keluarga dan komuniti.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pendekatan ini bertujuan menyediakan ruang dan peluang untuk murid:

- Memperoleh pengalaman sebenar.
- Meningkatkan kecergasan dan perkembangan fizikal.

- Bersosialisasi dan berkomunikasi.
- Melaksanakan aktiviti yang menggembirakan.
- Meneroka dan berinteraksi dengan persekitaran.
- Melakukan aktiviti bebas dan aktiviti terancang.

Antara aktiviti di luar bilik darjah termasuk lawatan, perkhemahan/kursus motivasi, perkelahan, aktiviti berkuda, berenang dan aktiviti menjual beli.

RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU

Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 telah menjelaskan bahawa RPI adalah rekod yang melaporkan butiran rancangan pendidikan berasaskan kepada potensi individu MBK. Guru perlu mengenal pasti keupayaan dan kelemahan murid melalui ujian diagnostik secara lisan, penulisan dan pemerhatian. Perbincangan bersama pihak ibu bapa, penjaga dan juga pakar khusus seperti psikologis, audiologis, terapis pertuturan, terapis cara kerja dan sebagainya juga perlu diadakan bagi membantu guru merancang aktiviti intervensi dan (re)habilitasi yang mampu meningkatkan kesediaan murid untuk belajar dengan lebih baik.

Kerjasama dan kolaboratif antara ibu bapa dan kumpulan multidisiplinari yang dianggotai oleh pakar seperti audiologis, psikologis dan sebagainya amat penting dalam menentukan aktiviti intervensi dan (re)habilitasi yang bersesuaian berdasarkan kepada masalah ketidakupayaan yang dimiliki murid. Aktiviti intervensi seperti latihan pertuturan, kawalan emosi dan tingkah laku boleh membantu murid meningkatkan tumpuan, minat dan memberi perhatian kepada pembelajaran di dalam bilik darjah. Pada masa yang sama RPI membantu guru mengenal pasti strategi PdP yang bersesuaian yang dapat meningkatkan potensi keupayaan murid samada dalam akademik mahu pun kemahiran vokasional.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains Dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
 - (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
 - (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
 - (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PDP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.

- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti Dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan

minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan

Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.

- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompond. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi

menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperolehi dari PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item,

mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan pencapaian murid, guru harus menggunakan strategi pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- (i) Pelbagai bentuk.
- (ii) Adil kepada semua murid.
- (iii) Mengambil kira pelbagai aras kognitif
- (iv) Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- (v) Mengambil kira pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari oleh murid dan mentaksir sejauh mana mereka fahami.

PS merupakan antara komponen utama dalam PdP kerana ia berperanan mengukuhkan pembelajaran murid, meningkatkan keberkesanan pengajaran guru dan mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksanakan atau dicapai dalam PdP. PS dilaksanakan oleh guru dan pihak sekolah sepenuhnya bermula dengan perancangan, pembinaan item dan instrumen pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan atau

penskoran, perekodan hingga pelaporan. PS penting untuk menentukan keberkesanan guru dan pihak sekolah dalam usaha membentuk insan yang harmonis dan seimbang. PS merupakan aktiviti berterusan yang menuntut komitmen yang tinggi, dan hala tuju yang jelas di pihak guru dan sekolah untuk memperkembangkan potensi MBK ke tahap tertinggi mengikut keupayaan masing-masing. PS mempunyai ciri-ciri berikut:

- (i) Holistik iaitu mampu memberi maklumat menyeluruh tentang penguasaan, pengetahuan, kemahiran, dan pengamalan nilai murni;
- (ii) Berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan PdP;
- (iii) Fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid; dan
- (iv) Merujuk Standard Prestasi (SPi) yang dibina berdasarkan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP).

Pentaksiran bagi setiap kelompok SK boleh dijalankan dengan menggunakan SPi sebagai skala rujukan guru bagi menentukan tahap penguasaan MBK pada SK yang ditetapkan.

SPi menunjukkan enam Tahap Penguasaan (TP) yang merujuk kepada aras penguasaan yang disusun secara hieraki, dan diguna bagi tujuan pelaporan. Guru boleh membuat

pertimbangan profesional untuk menentukan tahap penguasaan murid berdasarkan pengalaman bersama murid dan perbincangan profesional. Jadual 3 dan 4 menyenaraikan maksud dan tafsiran umum tentang setiap tahap penguasaan bagi Komponen Pengurusan Diri dan Kemahiran Manipulatif dalam mata pelajaran Pengurusan Kehidupan.

Jadual 3: Penyataan Tahap Penguasaan Umum KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pengurusan Kehidupan (Komponen Pengurusan Diri).

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Murid tahu atau boleh memberi respon terhadap kemahiran asas Pengurusan Diri dengan bimbingan.
2	Murid menunjukkan kefahaman terhadap kemahiran Pengurusan Diri serta dapat menjelaskan kefahaman tersebut dengan apa-apa cara.
3	Murid boleh mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran Pengurusan Diri untuk melaksanakan tugas mengikut keperluan dan situasi.
4	Murid menganalisis pengetahuan dan kemahiran Pengurusan Diri untuk diaplikasikan dalam tugas pada suatu situasi dengan cara yang bersistematik
5	Murid menganalisis dan mensintesis pengetahuan dan kemahiran Pengurusan Diri untuk diaplikasikan dalam tugas pada situasi baharu secara tekak, bersistematik serta bersikap positif terhadap diri dan persekitaran.
6	Murid menganalisis dan mensintesis pengetahuan dan kemahiran Pengurusan Diri untuk diaplikasikan dalam merekacipta dan menilai sesuatu yang baharu dengan kreatif dan inovatif dalam kehidupan dan persekitaran sebenar.

Jadual 4: Penyataan Umum Tahap Penguasaan KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pengurusan Kehidupan (Komponen Kemahiran Manipulatif).

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Murid tahu perkara asas atau boleh memberi respons terhadap kemahiran motor kasar, motor halus dan pengamatan dengan bimbingan.
2	Murid menunjukkan kefahaman terhadap kemahiran motor kasar, motor halus dan pengamatan yang telah dipelajari dalam apa-apa cara.
3	Murid mengaplikasikan pengetahuan untuk melakukan kemahiran motor kasar, motor halus dan pengamatan pada suatu situasi.
4	Murid menganalisis pengetahuan dan mengaplikasikan kemahiran motor kasar, motor halus dan pengamatan pada suatu situasi secara sistematik.
5	Murid menganalisis dan mensintesis pengetahuan dan kemahiran dalam kemahiran motor kasar, motor halus dan pengamatan untuk diaplikasikan dalam tugas atau situasi baharu secara tekak, bersistematik dan bersikap positif.
6	Murid menganalisis dan mensintesis pengetahuan dan kemahiran untuk diaplikasikan pada situasi baharu secara sistematik, kreatif dan inovatif dalam menghasilkan sesuatu serta boleh dicontohi.

ORGANISASI KANDUNGAN

Pelaksanaan bagi kurikulum KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pengurusan Kehidupan Tahap 1 adalah mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas yang berkuatkuasa sekarang. Mata pelajaran ini terdiri dari dua komponen iaitu Pengurusan Diri dan Kemahiran Manipulatif;

Komponen Pengurusan Diri

1. Kemahiran sendiri
2. Kebersihan, Keselamatan dan Kesihatan Diri dan Reproduksi
3. Penggunaan tandas dan bilik mandi
4. Pengurusan tempat tinggal
5. Adab dan tatasusila

Komponen Kemahiran Manipulatif

1. Motor kasar
2. Motor halus
3. Pengamatan

Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai. Jadual 5 di bawah memberikan tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Jadual 5: Organisasi DSKP

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
<p>Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.</p>	<p>Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.</p>	<p>Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid (<i>indicator of success</i>)</p>

PENGURUSAN DIRI

1.0 KEMAHIRAN KENDIRI

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.1 Kenali rakan.	Murid boleh: 1.1.1 Menyatakan nama, umur dan jantina rakan. 1.1.2 Mengenal pasti panggilan yang sesuai semasa berkomunikasi dengan rakan. 1.1.3 Menerangkan tentang diri rakan.	1	Menyatakan nama, umur dan jantina rakan secara berpandu.
		2	Mengenal pasti nama, umur, jantina dan panggilan yang sesuai pada rakan.
		3	Memanggil rakan dengan panggilan yang sesuai semasa berkomunikasi.
		4	Menjelaskan tentang diri rakan dan panggilan yang sesuai semasa berkomunikasi.
		5	Menilai ciri rakan dan menggunakan panggilan yang sesuai semasa berkomunikasi.
		6	Menerangkan tentang diri rakan secara kreatif.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.2 Kenali warga sekolah.	Murid boleh: 1.2.1 Menenal warga sekolah dan panggilan yang sesuai. (i) Pentadbir sekolah (ii) Guru (iii) Pembantu Pengurusan Murid (iv) Staf sokongan (v) Pengendali kantin (vi) Pengawal keselamatan (vii) Pekerja am 1.2.2 Menjelaskan peranan warga sekolah.	1	Menyebut warga sekolah.
		2	Mengenal pasti warga sekolah.
		3	Menggunakan panggilan yang sesuai bagi setiap warga sekolah
		4	Menjelaskan panggilan dan peranan bagi setiap warga sekolah dengan betul.
		5	Menjelaskan panggilan dan peranan bagi setiap warga sekolah dengan betul dan tekal.
		6	Menjelaskan panggilan dan peranan bagi setiap warga sekolah dengan betul, tekal dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.3 Adab pergaulan dengan rakan dan warga sekolah.	Murid boleh: 1.3.1 Menggunakan bahasa yang sopan semasa berkomunikasi dengan rakan dan warga sekolah. 1.3.2 mempraktikkan adab dan batasan pergaulan dengan rakan dan warga sekolah. 1.3.3 Membezakan sentuhan selamat dan sentuhan tidak selamat semasa bergaul dengan rakan dan warga sekolah.	1	Menyatakan bahasa yang sopan dengan bimbingan.
		2	Mencirikan adab dan batasan pergaulan serta setuhan selamat dan tidak selamat semasa bergaul dengan rakan dan warga sekolah.
		3	Memberi contoh bahasa yang sopan, adab dan batasan pergaulan serta setuhan selamat dan tidak selamat semasa bergaul dengan rakan dan warga sekolah.
		4	Mempraktikkan bahasa, adab dan batasan pergaulan yang sopan serta membezakan setuhan selamat dan tidak selamat semasa bergaul dengan rakan dan warga sekolah.
		5	Mempraktikkan bahasa, adab dan batasan pergaulan yang sopan serta membezakan setuhan selamat dan tidak selamat semasa bergaul dengan rakan dan warga sekolah dengan betul.
		6	Mempraktikkan bahasa, adab dan batasan pergaulan yang sopan serta membezakan setuhan selamat dan tidak selamat semasa bergaul dengan rakan dan warga sekolah dengan betul dan berhemah.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.4 Peraturan di sekolah.	Murid boleh: 1.4.1 Menyatakan peraturan di dalam kelas, bilik-bilik khas, kantin, padang dan gelanggang permainan 1.4.2 Mengamalkan peraturan di dalam kelas, bilik-bilik khas, kantin, padang dan gelanggang permainan.	1	Menyatakan peraturan bagi satu daripada tempat-tempat yang telah dipelajari.
		2	Menerangkan peraturan-peraturan yang telah dipelajari.
		3	Menunjukkan cara mematuhi peraturan-peraturan yang telah dipelajari.
		4	Mengaplikasi cara mematuhi peraturan-peraturan yang telah dipelajari dengan tertib.
		5	Mematuhi peraturan-peraturan yang dipelajari dengan betul dan selamat.
		6	Mematuhi peraturan-peraturan yang dipelajari dengan betul dan selamat serta boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.5 Cara berpakaian di sekolah.	Murid boleh: 1.5.1 Menenal: (i) jenis pakaian seragam sekolah. (ii) pakaian sukan. 1.5.2 Membezakan pakaian seragam sekolah dengan pakaian sukan sekolah. 1.5.3 Menunjukkan cara memakai: (i) pakaian seragam sekolah. (ii) pakaian sukan.	1	Menyebut jenis-jenis pakaian seragam sekolah dan pakaian sukan.
		2	Memberi contoh jenis-jenis pakaian seragam sekolah dan pakaian sukan.
		3	Mencirikan jenis-jenis pakaian seragam sekolah dan pakaian sukan.
		4	Menjelaskan dengan contoh fungsi pakaian seragam sekolah dan pakaian sukan.
		5	Menunjukkan cara memakai pakaian mengikut fungsi yang betul.
		6	Menunjukkan cara memakai pakaian mengikut fungsi yang betul dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.6 Mengenal waktu makan dan makanan yang bersesuaian.	Murid boleh: 1.6.1 Menamakan waktu-waktu makan: (i) sarapan pagi. (ii) makan tengah hari. (iii) minum petang. (iv) makan malam. 1.6.2 Menjelaskan kepentingan makan mengikut waktu. 1.6.3 Menyenaraikan contoh makanan yang sesuai diambil mengikut waktu. 1.6.4 Menghubungkan pengambilan jenis makanan mengikut waktu.	1	Menyenaraikan waktu-waktu makan.
		2	Menerangkan waktu-waktu makan.
		3	Menyusun waktu-waktu makan mengikut urutan.
		4	Menjelaskan akibat sekiranya makan tidak mengikut waktu.
		5	Menyenaraikan jenis makanan yang sesuai diambil mengikut waktu makan dengan betul.
		6	Mengaplikasi waktu makan dengan makanan yang sesuai mengikut waktu yang betul.

2.0 KEBERSIHAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN DIRI DAN REPRODUKTIF

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.1 Penjagaan kebersihan bahagian sulit mengikut jantina.	Murid boleh:		
	2.1.1 Menamakan bahagian sulit mengikut jantina.	1	Menyebut nama bahagian sulit mengikut jantina dengan bimbingan.
	2.1.2 Menyatakan cara menjaga kebersihan bahagian sulit.	2	Menyebut nama bahagian sulit mengikut jantina.
	2.1.3 Menunjukkan langkah-langkah membersihkan bahagian sulit.	3	Menerangkan cara menjaga kebersihan bahagian sulit.
		4	Menjelaskan melalui contoh cara menjaga kebersihan bahagian sulit dengan betul.
		5	Menunjukkan langkah-langkah membersihkan bahagian sulit dengan betul dan selamat.
		6	Menunjukkan cara membersihkan bahagian sulit dengan betul, selamat dan berhemah.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.2 Penjagaan alatan dan bahan kebersihan diri.	Murid boleh: 2.2.1 Menamakan jenis alatan dan bahan kebersihan diri. 2.2.2 Menyatakan cara membersihkan dan menyimpan alatan dan bahan kebersihan diri. 2.2.3 Membersih dan menyimpan alatan dan bahan kebersihan diri dengan cara yang betul.	1	Menamakan jenis alatan dan bahan kebersihan diri.
		2	Menerangkan cara membersihkan dan menyimpan alatan dan bahan kebersihan diri dengan bimbingan.
		3	Menerangkan cara membersihkan dan menyimpan alatan dan bahan kebersihan diri.
		4	Menunjukkan cara membersihkan dan menyimpan alatan dan bahan kebersihan diri dengan betul.
		5	Menunjukkan cara membersihkan dan menyimpan alatan dan bahan kebersihan diri di tempat yang betul dan selamat.
		6	Menunjukkan cara membersihkan dan menyimpan alatan dan bahan kebersihan diri di tempat yang betul, selamat dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.3 Penjagaan kebersihan pakaian <ul style="list-style-type: none"> • kasut dan stoking. 	Murid boleh:		
	2.3.1 Menamakan alatan dan bahan yang diperlukan untuk mencuci kasut dan stoking.	1	Menyatakan alatan dan bahan yang diperlukan untuk mencuci kasut dan stoking.
	2.3.2 Menunjuk cara mencuci kasut dan stoking.	2	Memerihalkan cara mencuci kasut dan stoking.
	2.3.3 Menerangkan langkah keselamatan diri semasa mencuci kasut dan stoking.	3	Menunjukkan cara mencuci kasut dan stoking dengan betul.
	2.3.4 Mengamalkan langkah keselamatan diri semasa mencuci kasut dan stoking.	4	Menunjukkan cara mencuci kasut dan stoking dengan betul serta mengamalkan langkah-langkah keselamatan diri.
	2.3.5 Mengaplikasi cara membersihkan serta menyimpan alatan dan bahan mencuci kasut dan stoking.	5	Menunjukkan cara mencuci kasut dan stoking serta membersihkan serta menyimpan alatan dan bahan dengan betul dan selamat.
		6	Menunjukkan cara mencuci kasut dan stoking serta membersihkan serta menyimpan alatan dan bahan dengan betul, selamat dan berhemah.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.4 Penjagaan dan keceriaan dalam dan luar bilik darjah.	Murid boleh:		
	2.4.1 Menyatakan cara menjaga dan menceriakan dalam dan luar bilik darjah.	1	Menyebut cara menjaga dan menceriakan dalam dan luar bilik darjah dengan bimbingan.
	2.4.2 Menunjuk cara menjaga dan menceriakan dalam dan luar bilik darjah.	2	Memberi contoh cara menjaga dan menceriakan dalam dan luar bilik darjah.
	2.4.3 Menerangkan langkah-langkah keselamatan diri semasa melakukan aktiviti menjaga dan menceriakan dalam dan luar bilik darjah.	3	Menunjukkan cara menjaga dan menceriakan dalam dan luar bilik darjah serta langkah-langkah keselamatan diri ketika melakukan aktiviti dengan bimbingan.
	2.4.4 Mengaplikasi langkah-langkah keselamatan diri semasa melakukan aktiviti menjaga dan menceriakan dalam dan luar bilik darjah.	4	Menunjukkan cara menjaga dan menceriakan dalam dan luar bilik darjah serta langkah-langkah keselamatan diri ketika melakukan aktiviti dengan betul.
		5	Menunjukkan cara menjaga dan menceriakan dalam dan luar bilik darjah serta langkah-langkah keselamatan diri ketika melakukan aktiviti dengan betul dan selamat.
		6	Menunjukkan cara menjaga dan menceriakan dalam dan luar bilik darjah serta langkah-langkah keselamatan diri ketika melakukan aktiviti dengan betul, selamat dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.5 Peraturan dan arahan di sekolah <ul style="list-style-type: none"> kawasan yang boleh mendatangkan bahaya di sekolah. 	Murid boleh: 2.5.1 Mengenal dan menamakan tempat atau kawasan yang boleh mendatangkan bahaya di sekolah seperti tempat pembuangan sampah, bilik suis, stor dan makmal. 2.5.2 Memerihalkan kawasan yang boleh mendatangkan bahaya di sekolah. 2.5.3 Menjelaskan kepentingan mematuhi arahan lisan dan bukan lisan di kawasan yang boleh mendatangkan bahaya di sekolah.	1	Menamakan tempat-tempat yang boleh mendatangkan bahaya di sekolah dengan bimbingan.
		2	Memerihalkan tempat-tempat yang boleh mendatangkan bahaya di sekolah.
		3	Menjelaskan melalui contoh arahan lisan dan bukan lisan bagi tempat-tempat yang boleh mendatangkan bahaya di sekolah dengan bimbingan.
		4	Menjelaskan melalui contoh arahan lisan dan bukan lisan bagi tempat-tempat yang boleh mendatangkan bahaya di sekolah dengan betul.
		5	Menjelaskan melalui contoh arahan lisan dan bukan lisan bagi tempat-tempat yang boleh mendatangkan bahaya di sekolah dengan betul dan sistematik.
		6	Mempamerkan pematuhan arahan lisan dan bukan lisan bagi tempat-tempat yang boleh mendatangkan bahaya di sekolah dengan betul, selamat dan boleh dicontohi.

3.0 PENGGUNAAN TANDAS DAN BILIK MANDI

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3.1 Penjagaan kemudahan di tandas dan bilik mandi.	Murid boleh:		
	3.1.1 Menamakan kemudahan di tandas dan bilik mandi.	1	Menyebut kemudahan yang ada di tandas dan bilik mandi dengan bimbingan.
	3.1.2 Menjelaskan cara menjaga kemudahan di tandas dan bilik mandi.	2	Menyenaraikan kemudahan yang ada di tandas dan bilik mandi.
	3.1.3 Menunjukkan cara menjaga kemudahan di tandas dan bilik mandi.	3	Menunjukkan cara menjaga kemudahan di tandas dan bilik mandi dengan bimbingan.
	3.1.4 Mengaplikasikan cara menjaga kebersihan dan keselamatan ketika melakukan aktiviti penjaga kemudahan tandas dan bilik mandi.	4	Menunjukkan cara menjaga kemudahan di tandas dan bilik mandi serta mengamalkan kebersihan dan keselamatan dengan betul.
		5	Menunjukkan cara menjaga kemudahan di tandas dan bilik mandi serta mengamalkan kebersihan dan keselamatan dengan betul dan sistematik.
	6	Menjana idea cara menjaga kemudahan di tandas dan bilik mandi serta mengamalkan kebersihan dan keselamatan dengan betul dan selamat.	

4.0 PENGURUSAN TEMPAT TINGGAL

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
4.1 Pengurusan di ruang dapur.	Murid boleh:		
	4.1.1 Menamakan alatan dan perabot di dapur.	1	Menyenaraikan alatan dan perabot di dapur dengan bimbingan.
	4.1.2 Menjelaskan kegunaan alatan dan perabot di dapur.	2	Menerangkan fungsi alatan dan perabot di dapur.
	4.1.3 Menunjukkan cara menggunakan alatan dan perabot di dapur.	3	Menunjukkan cara menggunakan alatan dan perabot di dapur dengan bimbingan.
	4.1.3 Mengaplikasi cara menjaga kekemasan, kebersihan dan keselamatan semasa di dapur.	4	Menunjukkan cara menggunakan alatan dan perabot di dapur dengan betul.
		5	Menunjukkan cara menggunakan alatan dan perabot serta menjaga kekemasan, kebersihan dan keselamatan semasa di dapur dengan betul dan selamat.
		6	Menunjukkan cara menggunakan alatan dan perabot serta menjaga kekemasan, kebersihan dan keselamatan semasa di dapur dengan betul, selamat dan boleh dicontohi.

5.0 ADAB DAN TATASUSILA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
5.1 Adab dan tatasusila terhadap warga sekolah.	Murid boleh:		
	5.1.1 Melafazkan ucapan bertatasusila semasa berinteraksi dengan warga sekolah.	1	Menyatakan ucapan bertatasusila semasa berinteraksi dengan warga sekolah dengan bimbingan.
	5.1.2 Menunjukkan respons emosi yang positif semasa berinteraksi dengan warga sekolah.	2	Memberi contoh ucapan bertatasusila dan tindakbalas emosi yang sesuai ketika berinteraksi dengan warga sekolah.
	5.1.3 Menunjukkan respons beradab terhadap kepada arahan yang diberi oleh warga sekolah.	3	Menunjukkan cara beradab dan bertatasusila semasa berinteraksi dengan warga sekolah dengan bimbingan.
	5.1.4 Menunjukkan cara beradab dan bertatasusila semasa berinteraksi dengan warga sekolah.	4	Menunjukkan cara beradab dan bertatasusila dengan emosi yang sesuai semasa berinteraksi dengan warga sekolah.
		5	Menunjukkan cara beradab dan bertatasusila dengan emosi yang sesuai semasa berinteraksi dengan warga sekolah dalam situasi baharu.
		6	Menunjukkan cara beradab dan bertatasusila dengan emosi yang sesuai semasa berinteraksi dengan masyarakat dalam pelbagai situasi dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
5.2 Tingkahlaku bertatasusila <ul style="list-style-type: none"> • di kantin dan kedai buku. 	Murid boleh: 5.2.1 Menunjukkan adab dan tatasusila yang sopan: (i) dikantin. (ii) dikedai buku. 5.2.2 Menyatakan kepentingan adab, tatasusila dan emosi yang positif: (i) dikantin. (ii) dikedai buku.	1	Menyatakan adab dan tatasusila yang sopan dengan bimbingan.
		2	Memerihalkan adab dan tatasusila yang sopan di kantin dan kedai buku.
		3	Menunjukkan cara beradab, bertatasusila dan emosi positif semasa berurusan di kantin atau kedai buku.
		4	Mempraktikkan adab, tatasusila dan emosi positif semasa berurusan di kantin atau kedai buku.
		5	Menunjukkan cara beradab, bertatasusila dan beremosi positif semasa berurusan di kantin atau kedai buku dengan betul mengikut situasi.
		6	Menakul kepentingan beradab, bertatasusila dan beremosi positif semasa berurusan di kantin atau kedai buku dengan betul mengikut situasi.

KEMAHIRAN MANIPULATIF

1.0 MOTOR KASAR

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.1 Pergerakan asas bahagian tangan dengan alatan mengikut: <ul style="list-style-type: none"> • arah. • aras. • jarak. 	Murid boleh: 1.1.1 Melakukan pergerakan menggunakan objek dengan cara: <ol style="list-style-type: none"> (i) melontar. (ii) menyambut. (iii) menangkap. (iv) menepis. 1.1.2 Melakukan gabungan beberapa pergerakan bahagian tangan dalam aktiviti permainan kecil.	1	Mengenal pasti pergerakan melontar, menyambut, menangkap dan menepis dengan bimbingan.
		2	Menunjukkan cara melontar, menyambut, menangkap dan menepis dengan bimbingan.
		3	Menunjukkan cara pergerakan melontar, menyambut, menangkap dan menepis.
		4	Menunjukkan gabungan beberapa pergerakan melontar, menyambut, menangkap dan menepis dengan betul.
		5	Menunjukkan gabungan beberapa pergerakan melontar, menyambut, menangkap dan menepis dengan betul dan selamat.
		6	Menunjukkan gabungan pergerakan melontar, menyambut, menangkap dan menepis dengan betul, selamat dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.2 Pergerakan asas bahagian kaki dengan alatan mengikut: <ul style="list-style-type: none"> • arah. • aras. • jarak. 	Murid boleh: 1.2.1 Melakukan pergerakan menggunakan objek dengan cara: <ol style="list-style-type: none"> (i) menendang. (ii) meleret. (iii) menggelecek. (iv) meloncat. 1.2.2 Melakukan gabungan pergerakan bahagian kaki dalam aktiviti permainan kecil.	1	Mengenal pasti pergerakan menendang, meleret, menggelecek dan meloncat dengan bimbingan.
		2	Menunjukkan cara pergerakan menendang, meleret, menggelecek dan meloncat dengan bimbingan.
		3	Menunjukkan cara pergerakan menendang, meleret, menggelecek dan meloncat.
		4	Menunjukkan gabungan beberapa pergerakan dalam aktiviti permainan kecil dengan betul.
		5	Menunjukkan gabungan beberapa pergerakan dalam aktiviti permainan kecil dengan betul dan selamat.
		6	Menunjukkan gabungan beberapa pergerakan dalam aktiviti permainan kecil dengan betul, selamat dan boleh dicontohi.

2.0 MOTOR HALUS

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.1 Pergerakan motor halus menggunakan alatan/ bahan.	Murid boleh: 2.1.1 Melakukan pergerakan: (i) menyurih (ii) menekan (iii) menyepit (iv) menggunting (v) merenjis (vi) mencucuk manik 2.1.2 Menunjukkan cara pergerakan motor halus dengan alatan/ bahan dalam aktiviti seni dan kraf.	1	Mengenal pasti pergerakan menyurih, menekan, menyepit, menggunting, merenjis dan mencucuk manik dengan bimbingan.
		2	Menunjukkan cara pergerakan menyurih, menekan, menyepit, menggunting, merenjis dan mencucuk manik dengan bimbingan.
		3	Menunjukkan cara pergerakan menyurih, menekan, menyepit, menggunting, merenjis dan mencucuk manik.
		4	Menunjukkan cara pergerakan motor halus menggunakan alatan/ bahan dalam aktiviti seni dan kraf dengan betul.
		5	Menunjukkan cara pergerakan motor halus menggunakan alatan/ bahan dalam aktiviti seni dan kraf dengan betul dan selamat.
		6	Menunjukkan cara pergerakan motor halus menggunakan alatan/ bahan dalam aktiviti seni dan kraf dengan betul, selamat dan kreatif.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.2 Pergerakan motor halus dalam aktiviti harian	Murid boleh: 2.2.1 Melakukan pergerakan: (i) memerah (ii) menguli (iii) memotong (iv) menyembur (v) memberus 2.2.2 Menunjukkan cara pergerakan motor halus dengan alatan/ bahan dalam aktiviti harian.	1	Mengenal pasti pergerakan memerah, menguli, memotong, menyembur dan memberus dengan bimbingan.
		2	Melunjukkan cara pergerakan memerah, menguli, memotong, menyembur dan memberus dengan bimbingan.
		3	Menunjukkan cara pergerakan memerah, menguli, memotong, menyembur dan memberus.
		4	Menunjukkan cara melakukan pergerakan motor halus menggunakan alatan/ bahan dalam aktiviti harian dengan betul.
		5	Menunjukkan cara melakukan pergerakan motor halus menggunakan alatan/ bahan dalam aktiviti harian dengan betul dan selamat.
		6	Menunjukkan cara melakukan pergerakan motor halus menggunakan alatan/ bahan dalam aktiviti harian dengan betul, selamat dan kreatif.

3.0 PENGAMATAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3.1 Pengamatan pendengaran.	Murid boleh:		
	3.1.1 Membezakan bunyi kuat dan perlahan.	1	Membezakan kekuatan bunyi dengan bimbingan.
	3.1.2 Memadankan bunyi-bunyian yang didengar dengan sumber bunyi.	2	Membezakan kekuatan bunyi, memadan dan mengaitkan bunyi yang didengar.
	3.1.3 Membuat perkaitan bunyi yang didengar dengan sesuatu perkara.	3	Membeza, memadan dan menunjukkan perkaitan bunyi dalam pengamatan pendengaran.
		4	Membeza kekuatan bunyi, memadan dan mengaitkan bunyi yang didengar dengan betul.
		5	Membeza kekuatan bunyi, memadan dan mengaitkan bunyi yang didengar dengan betul dalam situasi baharu.
		6	Menghasilkan pelbagai bunyi dengan kreatif.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3.2 Pengamatan penglihatan	Murid boleh:		
	3.2.1 Mengenal bentuk, huruf, nombor, perkataan atau ayat.	1	Mengenal bentuk, huruf, nombor, perkataan atau ayat secara berpandu.
	3.2.2 Menyalin semula sesuatu bentuk, huruf, nombor, perkataan atau ayat.	2	Mengingat kembali dan menyalin bentuk, huruf, nombor, perkataan atau ayat.
	3.2.3 Melakukan pergerakan motor mata tangan dalam aktiviti melukis garisan dan menyambung garisan mengikut arah.	3	Melakukan pergerakan motor mata tangan dalam melukis dan menyambung garisan mengikut arah dengan bimbingan.
		4	Melakukan pergerakan motor mata tangan dalam melukis dan menyambung garisan mengikut arah dengan betul.
		5	Melakukan pergerakan motor mata tangan dalam melukis dan menyambung garisan mengikut arah dengan betul dan kreatif.
		6	Melakukan pergerakan motor mata tangan dalam melukis dan menyambung garisan mengikut arah dengan betul, kreatif dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3.3 Pengamatan sensori <ul style="list-style-type: none"> • deria sentuh 	Murid boleh: 3.3.1 Mengenal pasti permukaan dengan deria sentuh: (i) kasar (ii) licin (iii) panas (iv) sejuk 3.3.2 Membezakan permukaan dengan deria sentuh: (i) kasar (ii) licin (iii) panas (iv) sejuk 3.3.3 Menjelaskan perbezaan jenis permukaan	1	Menyatakan jenis permukaan yang disentuh.
		2	Mengenal pasti permukaan yang disentuh.
		3	Membezakan permukaan yang disentuh dengan bimbingan.
		4	Membezakan permukaan yang disentuh dengan betul.
		5	Membezakan permukaan yang disentuh pada bahan-bahan lain.
		6	Membezakan permukaan yang disentuh pada bahan-bahan lain pada lokasi baharu.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3.3 Pengamatan sensori <ul style="list-style-type: none"> • deria bau 	Murid boleh: 3.3.4 Membezakan bau dengan deria bau: (i) wangi (ii) busuk	1	Boleh menyatakan bau wangi dan busuk dengan bimbingan.
		2	Mengenal pasti bau wangi dan busuk.
		3	Mengasingkan bau wangi dan busuk dengan bimbingan.
		4	Membezakan bau wangi dan busuk pada pelbagai bahan.
		5	Mengasingkan bahan berbau wangi dan busuk dengan betul.
		6	Mengasingkan pelbagai bahan mengikut bau wangi dan busuk pada situasi baharu.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3.4 Koordinasi	Murid boleh: 3.4.1 Mengimbang pergerakan semasa berjalan : (i) di atas papan titian secara lurus. (ii) di atas lingkaran tali 3.4.2 Menunjukkan cara berjalan di atas titian lurus dan lingkaran tali dalam pelbagai kaedah simulasi.	1	Boleh berjalan di atas titian dan lingkaran tali dengan bimbingan.
		2	Menunjukkan cara berjalan di atas titian dan lingkaran tali.
		3	Menunjukkan cara berjalan di atas titian dan lingkaran tali dalam pelbagai kaedah terapeutic atau simulasi.
		4	Menunjukkan cara berjalan di atas titian dan lingkaran tali dengan betul.
		5	Menunjukkan cara berjalan di atas titian dan lingkaran tali dengan betul dan selamat.
		6	Menunjukkan cara berjalan di atas titian dan lingkaran tali dengan betul, selamat dan boleh dicontohi.

PANEL PENGGUBAL

- | | | |
|-----|-------------------------------|---|
| 1. | Paizah binti Zakaria | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 2. | Haris bin Yusof | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 3. | Wan Maziani binti Wan Muhamad | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 4. | Siti Wan Nor bt Abd Rashid | SK Taman Klang Jaya, Klang, Selangor |
| 5. | Nurultiah bt. Gudin | SK Putrajaya Presint 9(2), Presint 9, Putrajaya |
| 6. | Aishah bt Abd Rahman | SK (P) Bukit Kuda, Klang, Selangor |
| 7. | Intan Rohani binti Yusof | SJKT Spring Hill, Port Dickson, N. Sembilan |
| 8. | Rugayah bt. Ismail | SK Padang Hiliran, Kuala Terengganu, Terengganu |
| 9. | Arbaayah bt. Jailani | SK Batu Unjur, Klang, Selangor |
| 10. | Farida Malisa bt. Abdul Hamid | SK Sg. Karang, Kuantan, Pahang |
| 11. | Norjanah bt. Sufian | SK Sulaiman, Bentong, Pahang |

PENGHARGAAN

Penasihat

- | | |
|-----------------------------|-----------------------------------|
| Dr. Sariah binti Abd. Jalil | - Pengarah |
| Rusnani binti Mohd Sirin | - Timbalan Pengarah (Kemanusiaan) |
| Datin Dr. Ng Soo Boon | - Timbalan Pengarah (STEM) |

Penasihat Editorial

- | | |
|----------------------------------|----------------|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani | - Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon | - Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman | - Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad | - Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah | - Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufiq Rashidi | - Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria | - Ketua Sektor |
| Hajah Norashikin binti Hashim | - Ketua Sektor |



Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my/>